



MANUAL KERJA TAKSIRAN BIL KOS

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
NEGERI SELANGOR

KANDUNGAN

1.	Perutusan Y.A.A Ketua Hakim Syarie	3
2.	Senarai Jawatankuasa	4
3.	Bahagian I (Permulaan)	5
4.	Bahagian II (Proses Kerja)	6
5.	Bahagian III (Borang-borang)	11
	i- Borang TK 1	11
	ii- Borang TK 2	13
	iii- Borang TK 3	14
	iv- Borang TK 4	15
	v- Borang TK 5	16
	vi- Borang MS 51	18
	vii- Borang TK 7	19
	viii- Borang TK 8	20
	ix- Borang TK 9	21



Perutusan

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Selangor

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan Inayah-Nya, dapat kita bersama-sama meneruskan tanggungjawab memelihara amanah dan tugas pada masa kini.

Masyarakat sering mengatakan Mahkamah Syariah 'tiada taring' terutama di dalam proses penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah bagi kes-kes yang telah diputuskan. Ini adalah disebabkan masyarakat kurang faham atau tidak mengetahui mengenai peruntukan yang telah sedia ada di dalam undang-undang. Oleh yang demikian bagi menghindari tanggapan negatif masyarakat, Mahkamah Syariah khususnya di negeri Selangor wajar mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan pengalaman berkaitan undang-undang.

Manual Kerja Taksiran Bil Kos ini diwujudkan bagi memberi panduan dan memudahkan Pegawai Pentaksir dan Pihak-Pihak melaksanakan tugas-tugas yang diperuntukkan undang-undang. Walaupun manual ini masih belum lengkap sepenuhnya, ia adalah satu langkah permulaan dan akan diperbaiki dari masa ke semasa.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu menghasilkan manual ini. Saya berdoa semoga Allah .W.T memberikan limpah kurnia-Nya di atas sumbangan besar mereka di dalam memartabatkan institusi kehakiman syariah di rantau ini.

Sekian, terima kasih.

(Y.A.A DATO' HAJI ZOHDI BIN HAJI TOHA)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

1. Y.A.A Dato' Haji Zohdi Bin Haji Toha
2. Tuan Haji Saarani Bin Ismail
3. Puan Noor Hadina Binti Ahmad Zabidi
4. Tuan Abu Bakar Bin Haji Mohd Daud
5. Tuan Mawardi Bin Che Man
6. Tuan Mohamed Fouzi Bin Mokhtar
7. Puan Siti Noraini Binti Mohd Ali
8. Encik Abdul Hakim Bin Mohd Bisri
9. Encik Fairus Bin Jaafar
10. Puan Salasiah Binti Shamsuddin
11. Cik Masroha Binti Duki

MANUAL KERJA TAKSIRAN BIL KOS

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk Ringkas, Pemakaian dan Matlamat

1. (1) Manual ini dinamakan "Manual Kerja Taksiran Bil Kos Jabatan Kehakiman Syariah Selangor 2008" yang akan digunapakai di Mahkamah Syariah di Seluruh Negeri Selangor secara selaras, seragam dan berkesan.

(2) Manual kerja ini hendaklah dijadikan sebagai satu garis panduan kepada semua Pegawai Pentaksir di Mahkamah Syariah.

(3) Manual ini hendaklah berkuatkuasa mulai tarikh yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor.

Takrif

2. (1) Dalam Manual ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain-

"Hakim atau Hakim Syarie" bererti Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 yang mana berkaitan;

"Mahkamah Syariah" atau *"Mahkamah"* bererti Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah mengikut mana-mana yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 55 (1) , (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 yang mana berkaitan;

"Pendaftar" bererti Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah atau Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik dibawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 yang mana berkaitan;

"Pihak Ditaksir" bererti pihak yang diawardkan kos kepadanya dan dikehendaki memfailkan Bil Kos.

“*Pihak Pentaksir*” bererti adalah pihak yang dikenakan kos atau pihak yang diperintahkan membayar kos prosiding sesuatu kes.

“*Pegawai Pentaksir*” bererti pegawai yang bertanggungjawab menjalankan taksiran Kos dan hendaklah terdiri daripada Pendaftar atau Hakim yang dilantik dibawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 atau mana – mana pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Hakim Syarie ;

“*Bil Kos*” bererti tuntutan terhadap fi, caj, ganti bayaran, perbelanjaan dan saraan oleh Pihak Ditaksir terhadap Pihak Pentaksir mengikut format yang ditetapkan.

“*Alokatur*” bererti suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Pegawai Pentaksir tentang kos sebenar yang perlu dibayar oleh Pihak Pentaksir kepada Pihak Ditaksir.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Manual ini dan yang tidak ditakrif secara khusus hendaklah mempunyai erti yang sama dengan erti yang terdapat dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003 yang berkuatkuasa, setakat mana pengertian itu tidak bertentangan dengan Hukum Syarak;

BAHAGIAN II

PROSES KERJA

Pendaftaran

3. Pihak Ditaksir hendaklah memfailkan Bil Kos di dalam [*Borang TK 1*] dan *Notis Penetapan Kos* di dalam [*Borang TK 2*] beserta dengan *sesalinan Perintah atau Penghakiman bersih* kes induk yang telah dibayar fi mengikut kaedah yang ditetapkan.
4. Borang TK1 dan TK2 hendaklah difailkan dalam tempoh **90 hari** selepas sesuatu perintah atau penghakiman kes induk diputuskan. Kegagalan Pihak Ditaksir memfailkan dalam tempoh tersebut hendaklah disifatkan sebagai Pihak Ditaksir tidak berhak untuk mendapatkan kos melainkan dibenarkan oleh Mahkamah yang mengawardkan kos tersebut.
5. Mahkamah hendaklah mendaftarkan permohonan tersebut setelah fi dibayar dan menetapkan tarikh penetapan kos tidak melebihi **30 hari** selepas didaftarkan.
6. Borang TK1 dan TK2 hendaklah disampaikan secara kediri oleh Pihak Ditaksir kepada Pihak Pentaksir tidak melebihi **14 hari** daripada tarikh pendengaran prosiding taksiran tersebut dan bukti penyampaian hendaklah dikemukakan.

7. Pihak Pentaksir boleh, dalam masa **7 hari** daripada tarikh penerimaan Borang TK1 dan TK2 , memfailkan bantahan dengan mencatatkan P , Q atau kedua-duanya di ruangan bantahan terhadap mana – mana butiran di dalam Borang TK1.

Nota : Bantahan terhadap butiran di dalam Bil Kos adalah melibatkan prinsip atau quantum atau kedua-duanya sekali. Bantahan terhadap prinsip adalah perkara kos yang dipohon menyalahi butiran kaedah yang dibenarkan oleh Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun dan Kos) 2006 dan menandakannya dengan tanda [P]. Bantahan terhadap quantum adalah terhadap amaun kos yang dipohon di dalam bil kos dengan tanda [Q]

8. Kegagalan memfailkan bantahan dalam tempoh yang ditetapkan, bolehlah disifatkan sebagai Pihak Pentaksir bersetuju terhadap keseluruhan Bil Kos yang disediakan oleh Pihak Ditaksir.

Pendengaran Taksiran Kos

9. Pada hari pendengaran, Pegawai Pentaksir hendaklah memastikan Pihak Ditaksir dan Pihak Pentaksir hadir samada secara bersendirian mahupun diwakili oleh Peguam Syarie. Pendaftar hendaklah bertindak sebagai Pegawai Pentaksir bagi Mahkamah Tinggi Syariah manakala Penolong Pendaftar hendaklah bertindak sebagai Pegawai Pentaksir di Mahkamah Rendah Syariah.
10. Jika Pihak Pentaksir tidak hadir tanpa sebab, Pegawai Pentaksir boleh meneruskan taksiran tanpa kehadiran Pihak Pentaksir setelah berpuashati penyampaian telah disempunakan sewajarnya atau menangguhkan prosiding tersebut dengan kos atau tanpa kos.
11. Walau apapun yang dinyatakan di atas, pihak – pihak boleh pada mana peringkat prosiding sebelum keputusan diputuskan mengadakan perundingan bagi menyelesaikan pertikaian berkaitan tuntutan mereka.
12. Semasa prosiding pendengaran, Pihak Ditaksir hendaklah dibenarkan untuk memulakan prosiding dengan menyatakan terlebih dahulu :
 - i. Butiran yang mana prinsip dan quantum dipersetujui
 - ii. Butiran yang mana prinsip dipersetujui tetapi quantum tidak dipersetujui
 - iii. Butiran yang mana prinsip dan quantum tidak dipersetujui
13. Pihak Ditaksir hendaklah berhujah di mana relevan dengan mengemukakan DAN mendatangkan resit, baucer, surat atau dokumen yang berkaitan apabila sesuatu butiran yang mana prinsip atau quantumnya tidak dipersetujui oleh Pihak Pentaksir. Pihak Pentaksir akan diberi ruang untuk membantah hujahan Pihak ditaksir sehingga perkara tersebut diputuskan oleh Pegawai Pentaksir. Kegagalan Pihak Ditaksir berhujah dengan mengemukakan bukti boleh menyebabkan butiran yang dibantah hanya dibenarkan sebahagian atau tidak dibenar secara keseluruhannya.
14. Pegawai Pentaksir hendaklah merekodkan apa-apa penghujahan yang dikemukakan ke atas setiap bantahan di dalam nota prosiding menggunakan tulisan yang mudah dibaca.

15. Pegawai Pentaksir hendaklah merekodkan semua butiran berkaitan prinsip dan quantum yang telah dipersetujui dengan memastikan semua butiran tersebut mengikut kehendak kaedah. Pegawai Pentaksir hendaklah membuat keputusan bagi :
 - i. Submanual 12 (ii) sama ada menerima atau mengurangkan quantum
 - ii. Submanual 12 (iii) sama ada mengekalkan butiran atau dikeluarkan butiran tersebut serta memutuskan menerima atau mengurangkan quantum
16. Pegawai Pentaksir hendaklah merekodkan apa-apa jumlah kos yang dipotong, dikurangkan atau ditambah dan dicatat pada ruang paling kanan dalam Borang TK 1. Alasan pemotongan, pengurangan atau penambahan atau selainnya hendaklah direkodkan.
17. Pegawai Pentaksir hendaklah menjumlahkan kos sebagaimana berikut :-
 - i- Kos Sebenar ialah jumlah kos yang dicampurkan dengan jumlah perbelanjaan.
 - ii- Kos Yang Ditaksir ialah jumlah kos yang telah ditaksirkan oleh Pegawai Pentaksir.
 - iii- Bagi mendapatkan jumlah keseluruhan, jumlah di submanual 17 (i) DITOLAK dengan jumlah di submanual 17 (ii) dan DITAMBAH Fi Alokatur mengikut Butiran 30 Kaedah Fi. **(Kos +Perbelanjaan (Kos Sebenar) – Kos DiTaksir + Fi Alokatur = Jumlah Keseluruhan).**
18. Tertakluk kepada pemfailan Notis Kajian Semula Taksiran Kos, Pihak Ditaksir hendaklah memfailkan alokatur atau perakuan dengan menggunakan [**Borang TK 3**] bagi jumlah kos yang telah ditaksirkan untuk dimeterai oleh Pegawai Pentaksir dan hendaklah menyerahkan sesalinan kepada Pihak Pentaksir secara kediri.
19. Pegawai Pentaksir boleh, mengikut budi bicaranya sendiri atau atas permohonan pihak - pihak menangguhkan prosiding pentaksiran dari masa ke semasa jika difikirkan perlu.

Kajian Semula Taksiran Kos

20. Mana-mana pihak yang terkilan dan tidak berpuashati dengan keputusan Pegawai Pentaksir terhadap mana-mana butiran kos yang diputuskan, hendaklah memfailkan Notis Kajian Semula Taksiran menggunakan [**Borang TK 4**] beserta alasan – alasan kajian semula dengan menggunakan [**Borang TK 5**] dalam tempoh **7 hari** selepas keputusan diputuskan.
21. Borang TK 5, hendaklah mengandungi butiran seperti berikut -
 - i. Bil butiran di dalam bil kos yang dibantah
 - ii. Butiran Kaedah yang dirujuk
 - iii. Perkara atau keputusan yang dibantah
 - iv. Amaun yang dibenarkan semasa taksiran asal
 - v. Sebab-sebab bantahan.
22. Pihak Yang Terkilan hendaklah menyerahkan sesalinan Notis Kajian Semula Taksiran yang telah di daftarkan dan dimeterai oleh Mahkamah dan Alasan – alasan Kajian

Semula kepada Pihak Responden secara kediri dalam tempoh genap **14 hari** selepas Notis dan bantahan itu dikeluarkan.

23. Pihak Responden bolehlah, setelah menerima Notis dan Alasan tersebut memfailkan Alasan Balas dalam tempoh sekurang - kurangnya **7 hari** genap sebelum tarikh pendengaran kajian semula. Kegagalan Pihak Responden memfailkan Alasan Balas bolehlah disifatkan sebagai Pihak Responden bersetuju dengan kajian semula tersebut.
24. Pada hari pendengaran, Pegawai Pentaksir hendaklah memastikan Pihak Yang Terkilan dan Pihak Responden hadir samada secara bersendirian mahupun diwakili oleh Peguam Syarie. Pendaftar hendaklah bertindak sebagai Pegawai Pentaksir bagi Mahkamah Tinggi Syariah manakala Penolong Pendaftar hendaklah bertindak sebagai Pegawai Pentaksir di Mahkamah Rendah Syariah di dalam prosiding Kajian Semula Taksiran.
25. Pegawai Pentaksir hendaklah merekodkan apa-apa penghujahan yang dikemukakan ke atas setiap bantahan di dalam nota prosiding menggunakan tulisan yang mudah dibaca. Hanya keterangan dan penghujahan yang baru sahaja di benarkan untuk dikemukakan semasa prosiding Kajian Semula Taksiran.
26. Pegawai Pentaksir hendaklah memutuskan berkaitan keterangan dan hujah yang dikemukakan samada menolak atau menerima bantahan tersebut dengan menyatakan alasan - alasan melalui Perakuan Taksiran Kos dengan menggunakan [**Borang TK 8**].
27. Pegawai Pentaksir boleh, mengikut budi bicaranya sendiri menangguhkan kajian semula dari masa ke semasa jika difikirkan perlu.

Rayuan Kepada Hakim Dalam Kamar

28. Mana-mana pihak yang terkilan dan tidak berpuashati dengan keputusan Pegawai Pentaksir terhadap mana-mana butiran kos yang diputuskan dalam kajian semula taksiran, bolehlah membuat rayuan kepada Mahkamah yang mengawardkan kos dengan memfailkan Notis Rayuan Kepada Hakim Dalam Kamar [**Borang MS 51**] sebanyak 5 salinan dalam tempoh **7 hari** selepas keputusan diputuskan.
29. Notis Rayuan hendaklah menyatakan samada rayuan dibuat terhadap keseluruhan atau sebahagian dan bahagian mana keputusan yang dirayu.
30. Pihak Perayu hendaklah menyerahkan sesalinan **Borang MS 51** kepada Pihak Responden secara kediri dalam tempoh **2 hari genap** sebelum hari pendengaran yang telah ditetapkan.
31. Pihak Responden bolehlah, dalam masa **1 hari** dari tarikh penerimaan **Borang MS 51** memfailkan Notis Rayuan Balas di dalam [**Borang TK 7**] (jika ada) dan menyerahkannya kepada Perayu atau apa-apa tempoh yang dibenarkan oleh Mahkamah .
32. Pegawai Pentaksir hendaklah menyediakan Perakuan Taksiran Penetapan Kos dengan menggunakan [**Borang TK 8**] yang mengandungi alasan-alasan keputusan dalam tempoh **30 hari** dari tarikh pemfailan Notis Rayuan.

33. Pendaftar hendaklah memaklumkan kepada Perayu mengenai Perakuan Taksiran Penetapan Kos telah siap melalui [*Borang TK 9*] dan disampaikan kepada Perayu dengan cara yang sewajarnya.
34. Perayu hendaklah, dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan Borang TK 9, mengemukakan alasan rayuan dengan menyatakan –
 - i. Amaun yang diputuskan dalam kajian semula taksiran.
 - ii. Butiran yang jelas tentang fakta yang diputuskan dalam kajian semula taksiran.
35. Kecuali dengan kebenaran Mahkamah yang mendengar rayuan, perayu tidak boleh dibenarkan semasa pendengaran rayuan bersandarkan kepada apa-apa alasan selain alasan-alasan yang dinyatakan dalam alasan rayuan itu.
36. Perayu hendaklah menyediakan 5 salinan rekod rayuan dalam tempoh 30 hari selepas menerima Borang TK 9 dan hendaklah mengandungi salinan —
 - i. Bil Kos (Borang TK 1)
 - ii. Notis Kajian Semula Taksiran (Borang TK 4)
 - iii. Alasan Kajian Semula (Borang TK 5)
 - iv. Notis Rayuan Kepada Hakim Dalam Kamar (Borang MS 51)
 - v. Perakuan Taksiran Penetapan Kos (Borang TK 8)
 - vi. Alasan Rayuan
 - vii. Rayuan Balas (jika ada) (Borang TK 7)
 - iv. Perkara atau keputusan yang dirayu
 - v. Amaun yang dibenarkan semasa taksiran asal
 - vii. Nota keterangan
 - viii. Ekshibit yang berkaitan
37. Pada hari pendengaran rayuan, perayu mengemukakan hujah terlebih dahulu diikuti hujah responden. Perayu berhak untuk menjawab semula setelah responden mengemukakan hujahnya.
38. Jika perayu tidak hadir, Mahkamah boleh membuang tindakan itu dan memutuskan rayuan balas (jika ada).
39. Hakim hendaklah merekodkan apa-apa penghujahan yang dikemukakan dan boleh, mengikut budi bicaranya sendiri menanggungkan prosiding dari masa ke semasa jika difikirkan perlu.
40. Hakim hendaklah semasa membaca penghakimannya, menyatakan alasan-alasannya secara bertulis.
41. Keputusan Hakim dalam kamar adalah muktamad.

Am

42. Mana-mana yang tidak diperuntukan dengan nyata di dalam manual ini hendaklah merujuk kepada undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa.

BAHAGIAN III
BORANG - BORANG

[BORANG TK 1]
MANUAL KERJA TAKSIRAN BIL KOS
(NEGERI SELANGOR) 2007

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH SELANGOR

DI.....

KES MAL NO.

Antara

.....

Dengan

.....

Pihak Ditaksir

Pihak Pentaksir

BIL KOS

Bil (i)	Tarik (ii)	No. Kaedah Dirujuk (iii)	Butiran (iv)	Bantahan [P @ Q] jika ada (v)	Kos (RM) (vi)	Perbelanjaan (RM) (vii)	Kos Ditaksir (RM) (viii)

Bil (i)	Tarik (ii)	No. Kaedah Dirujuk (iii)	Butiran (iv)	Bantahan [P @ Q] jika ada (v)	Kos (RM) (vi)	Perbelanjaan (RM) (vii)	Kos Ditaksir (RM) (viii)
			JUMLAH				
			Jumlah Kos Sebenar		RM		
			Jumlah Kos Ditaksir		RM		
			Tambah Fi Alokatur		RM		
			JUMLAH KESELURUHAN		RM		

Bertarikh pada hb 20....

.....
Pihak Ditaksir/ Peguam Syarie

Contoh:

Bil Kos mengandungi butiran seperti berikut -

- i. Bilangan perkara yang dipohon
- ii. Tarikh bagi kos yang dipohon
- iii. Butiran Kaedah yang dirujuk
- iv. Perkara yang menjelaskan tindakan sesuatu kos yang dipohon
- v. Bantahan terhadap prinsip atau quantum
- vi. Kos yang dipohon
- vii. Perbelanjaan yang digunakan oleh Pihak Ditaksir semasa kes
- viii. Kos yang ditasirkan oleh Pegawai Pentaksir

BIL KOS ini difailkan oleh **TETUAN**..... yang mempunyai alamat penyampaian di

[BORANG TK 2]

MANUAL KERJA TAKSIRAN BIL KOS

(NEGERI SELANGOR) 2007

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH SELANGOR

DI.....

KES MAL NO.

Antara

.....

Pihak Ditaksir

Dengan

.....

Pihak Pentaksir

NOTIS PENETAPAN BIL KOS

AMBIL PERHATIAN bahawa Pegawai Pentaksir Mahkamah Rendah/ Tinggi Syariah Selangor di telah menetapkan pada hb 20....., pada jam pagi/ petang untuk mentaksir Bil Kos mengikut perintah/ penghakiman Mahkamah di dalam Kes Mal No. bertarikh menurut Kaedah – Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun Dan Kos) 2006.

Bertarikh pada hb 20

.....

Pihak Ditaksir/ Peguam Syarie

.....

HAKIM / PENDAFTAR

Kepada :

Pihak Pentaksir/ Peguam

NOTIS INI di failkan oleh **TETUAN**..... Beralamat di

.....

[BORANG TK 3]
MANUAL KERJA TAKSIRAN BIL KOS
(NEGERI SELANGOR) 2007

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH SELANGOR

DI.....

KES MAL NO.

Antara

.....

Pihak Ditaksir

Dengan

.....

Pihak Pentaksir

ALOKATUR

DENGAN INI ADALAH DIPERAKUI bahawa penetapan Bil Kos di antara Pihak Ditaksir dan Pihak Pentaksir menurut keputusan bertarikhhb..... 20.... telah dibenarkan sebanyak RM

Bertarikh padahb..... 20....

.....
Pendaftar

ALOKATUR INI di failkan oleh **TETUAN**..... Beralamat

di

[BORANG TK 4]
MANUAL KERJA TAKSIRAN BIL KOS
(NEGERI SELANGOR) 2007

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH SELANGOR

DI.....

KES MAL NO.

Antara

.....

Dengan

.....

Pemohon

Responden

NOTIS KAJIAN SEMULA TAKSIRAN KOS

Kepada (Responden yang dinamakan di atas) yang beralamat di.....

AMBIL PERHATIAN bahawa..... Pemohon yang dinamakan di atas akan memohon kepada Mahkamah Rendah/ Tinggi Syariah di..... padahb..... 20.... ,jam pagi/ petang untuk mengkaji semula Taksiran Kos di hadapan Pendaftar, Mahkamah Rendah/ Tinggi Syariah.....

Bertarikh padahb..... 20....

.....

Pemohon/ Peguam Syarie

Kepada :

Pendaftar,

.....

NOTIS KAJIAN SEMULA TAKSIRAN KOS INI difailkan oleh **TETUAN**.....

Beralamat di

[Borang TK 5]
MANUAL KERJA TAKSIRAN BIL KOS
(NEGERI SELANGOR) 2007

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH SELANGOR

DI.....

KES MAL NO.

Antara

.....

Dengan

.....

Pemohon

Responden

ALASAN KAJIAN SEMULA TAKSIRAN

BANTAHAN yang dibuat oleh Pemohon terhadap taksiran yang dibuat oleh Pendaftar, Mahkamah Rendah/ Tinggi Syariah Selangor di bagi Bil Kos Pemohon/ Responden di bawah perintah bertarikh.....hb..... 20

Pemohon membantah di atas sebab-sebab berikut terhadap perkara di bawah ini yang dibenarkan dan jumlah yang terlalu tinggi / rendah seperti berikut :

Bil.	Butiran	Huraian Perkara / Keputusan Yang Dibantah	Amaun Yang Dibenarkan	Sebab-Sebab Bantahan

Bil.	Butiran	Huraian Perkara / Keputusan Yang Dibantah	Amaun Yang Dibenarkan	Sebab-Sebab Bantahan

Bertarikh pada hb 20

.....
Pemohon/ Peguam Syarie

ALASAN KAJIAN SEMULA TAKSIRAN INI difailkan oleh **TETUAN**

Beralamat di

[Borang MS 51]

ENAKMEN TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH

(NEGERI SELANGOR) 2003

(Subseksyen 210(2))

NOTIS RAYUAN KEPADA HAKIM DALAM KAMAR

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH SELANGOR

DI.....

KES MAL NO.

Antara

.....

Dengan

.....

Pemohon

Responden

Ambil perhatian bahawa plaintif(atau defendan) yang dinamakan di atas bercadang untuk merayu terhadap keputusan Pendaftar yang diberikan pada..... haribulan20 yang memerintahkan (atau enggan memerintahkan).....(nyatakan dengan penuh perintah yang dirayukan itu).

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Plaintif/Defendan
(Peguan Syarie Plaintif/Defendan)

Dan selanjutnya ambil perhatian bahawa anda adalah dikehendaki hadir di hadapan Hakim di dalam Kamar pada haripada.....haribulan.....20..... pukul..... pagi/petang bagi pendengaran permohonan oleh plaintif (atau defendan) tersebut bahawa.....(nyatakan perintah yang hendak didapatkan).

Bertarikh pada.....haribulan.....20.....

(Meterai)

.....

Pendaftar

Kepada Defendan (atau plaintif)

[Borang TK 7]
MANUAL KERJA TAKSIRAN BIL KOS
(NEGERI SELANGOR) 2007

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH SELANGOR

DI.....

KES MAL NO.

Antara

.....

Dengan

.....

Perayu

Responden

NOTIS RAYUAN BALAS

Ambil perhatian bahawa, pada pendengaran rayuan di atas, responden yang dinamakan di atas akan menghujahkan bahawa keputusan *Pegawai Pentaksir/ Mahkamah yang mengawardkan kos yang diberikan pada haribulan 20 patut diubah atas alasan-alasan yang berikut:

(Nyatakan dalam perenggan bernombor)

- (a)(jenis relief yang dituntut; dan/atau)
- (b)(alasan-alasan yang menjadi sandaran).

Bertarikh pada haribulan 20

Kepada Pendaftar dan perayu.

.....
Responden/ Peguam Syarie

NOTIS RAYUAN BALAS INI difailkan oleh **TETUAN**
beralamat di

[BORANG TK 8]
MANUAL KERJA TAKSIRAN BIL KOS
(NEGERI SELANGOR) 2007

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH SELANGOR

DI.....

KES MAL NO.

Antara

.....

Dengan

.....

Pemohon/ Perayu

Responden

PERAKUAN TAKSIRAN PENETAPAN KOS

(nyatakan alasan-alasan keputusan dalam perenggan yang bernombor)

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Pegawai Pentaksir/ Hakim

[BORANG TK 9]
MANUAL KERJA TAKSIRAN BIL KOS
(NEGERI SELANGOR) 2007

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH SELANGOR

DI.....

KES MAL NO.

Antara

.....

Dengan

.....

Perayu

Responden

**NOTIS BAHAWA NOTA KETERANGAN DAN PERAKUAN
TAKSIRAN PENETAPAN KOS TELAH SIAP**

Ambil perhatian bahawa salinan diperakui bagi nota keterangan dan perakuan taksiran penetapan kos sudah siap dan bahawa sejumlah wang sebanyak RM kena anda bayar sebagai kos menyediakan salinan-salinan diperakui itu.

Kepada:

Perayu

.....

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Hakim/Pendaftar